

**Kerajaan Semakin Terbuka Dan Beri Ruang Kepada Generasi Muda
Bernama
19 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Rata-rata pemimpin muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara berpendapat kerajaan semakin terbuka dan sentiasa menyediakan ruang buat mereka menyuarakan pandangan dan pendapat ke arah merealisasikan cita-cita mentransformasi Malaysia menjadi negara maju.

Malah, mereka melihat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa mendampingi orang muda untuk membawa mereka mengenali kerajaan dan program yang disediakan untuk mereka.

Abang Mohd Hafizie Abang Bunsu, 21, pelajar tahun satu Fakulti Filem, Teater dan Animasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata kerajaan dilihat menyedari aspirasi generasi muda, yang dizahirkan melalui pelaksanaan pelbagai agenda dalam semua bidang termasuk pendidikan, kemahiran dan keusahawanan bagi mengembangkan tahap kreativiti masing-masing.

"Oleh itu, generasi muda perlu sentiasa melatih diri supaya mempunyai kemahiran berfikir secara mendalam bagi membezakan buruk baik sesuatu perkara terutama dalam menilai apa yang dipaparkan menerusi Internet dan media sosial," katanya kepada Bernama selepas menghadiri Konvensyen Pemimpin Muda Negara 2012 di Parlimen di sini, pada Khamis.

Konvensyen sehari itu, anjuran Parlimen Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Belia Malaysia, Biro Tatanegara dan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran, dihadiri kira-kira 540 pemimpin muda dari kalangan mahasiswa, gerakan belia, pertubuhan bukan kerajaan dan profesional dari seluruh negara.

Konvensyen itu bermatlamat untuk mempergiat penglibatan golongan muda dalam semua program kerajaan ke arah menjadikan Malaysia negara contoh di rantau ini.

Abang Mohd Hafizie, yang juga bekas Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM, turut melihat penganjuran konvensyen itu sebagai langkah proaktif kerajaan mengajak pimpinan muda mengambil bahagian dalam misi membangunkan negara.

Tan Chuan Yi, 19, pelajar undang-undang di Kolej ATC, pula berpendapat kerajaan dari semasa ke semasa berusaha 'mengambil hati' golongan muda dengan melakukan beberapa transformasi ke atas dasar negara.

"Perdana Menteri juga sering turun padang untuk bertemu dan mengetahui keperluan dan keinginan masyarakat. Contohnya, pada Ahad lepas semasa beliau melancarkan program 1Malaysia For Youth (iM4U) dan mengumumkan beberapa inisiatif khusus untuk belia sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada generasi muda Malaysia," katanya.

Ini menunjukkan kerajaan sentiasa percaya kepada kebolehan dan kewibawaan anak muda dalam menentukan masa depan negara, katanya.

Sementara itu, Nelson Sinasamoy, 20, dari Pimpinan Barisan Nasional Masyarakat India Negeri Perak (Permasip) berkata sejak tiga tahun lepas kerajaan telah melaksanakan pelbagai transformasi mengikut kehendak generasi muda, terutama dalam menyediakan peluang serta mempertingkatkan kemudahan sosial untuk mereka.

"Generasi muda sepatutnya bijak memanfaatkan peluang yang diberikan kerajaan ini serta perlu bijak untuk mengelak daripada termakan hasutan dan fitnah daripada golongan yang tidak bertanggungjawab sehingga menjejaskan agenda pembangunan negara," kata pelajar jurusan operasi penerbangan di Aviation Management College itu.

Justeru, katanya, generasi muda juga perlu mengambil kesempatan tersebut untuk memajukan diri masing-masing dan menggalas tanggungjawab dalam memastikan perpaduan negara terpelihara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681965>

